PROJEK	**PROJEK NAIKTARAF BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT SEMPORNA, SABAH.**
MESYUARAT	Mesyuarat Tapak No. 2
TARIKH	4 Februari 2020 (Selasa)
MASA	11.45 pagi
TEMPAT	Bilik Mesyuarat Pejabat Tapak BBP Beaufort, Sabah

KPKT

MESYUARAT TAPAK NO.2

MAKLUMAT KONTRAK KERJA

KONTRAKTOR : REMT Utama Sdn Bhd
KONTRAK No : KPKT/CPPP/JBPM/14/15/2019
HARGA KONTRAK : RM 6,305,978.26
TEMPOH KONTRAK : 18 Bulan / 546 Hari
TARIKH MULA KERJA : 12hb November 2019
TARIKH SIAP KERJA : 10hb Mei 2021

Pemilik Bangunan / Pengguna:
Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Sabah
Jalan Lintas Likas,
Beg Berkunci 30,
88990 Kota Kinabalu, Sabah.

Agensi Pelaksana:
Pejabat Wilayah 6,
Cawangan Pelaksanaan Projek,
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
Tingkat 3, Blok C, Bangunan KWSP,
Jalan Karamunsing,
88000 Kota Kinabalu, Sabah

Kontraktor:
REMT UTAMA SDN BHD (*REMT*)
Ground Floor, Lot 20,
Grace Square,
Jalan Pantai Sembulan,
88100 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding Arkitek:
NOOR IZWAN ARCHITECT (*NIA*)
K-2-7, Block K, Lorong Metro 4,
Metro Town, Jalan Lintas,
88300 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding C&S:
AKTIF FA KONSULT SDN BHD (*AFK*)
Lot 17 & 19, 2nd Floor, Block C,
Damai Plaza Phase 4,
Jalan Damai, Luyang,
88859 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding M&E:
JURUTERA PERUNDING INTELEK SDN BHD (*JPI*)
No. 22-2, 2nd Floor, Block D, Lorong Plaza Kingfisher 6, Plaza Kingfisher,
Kuala Inanam Likas,
88400 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding Ukur Bahan:
PQS SETIA KONSULT (*PQS*)
Shop No. 1-2, 2nd Floor, Block B,
Damai Plaza Phase 4,
Jalan Damai, Luyang,
88300 Kota Kinabalu, Sabah

SENARAI KEHADIRAN

NAMA	JABATAN/SYARIKAT	NO. TEL
1. En. Mohd Arzaleigh Abd Rahman (Pengerusi)	CPP/W6/KPKT	088 – 210153
2. En. Jeremy Jeffery	CPP/W6/KPKT	088-210153
3. En. Mohd Riza Bin Ali	CPP/W6/KPKT (E)	088-210153
4. En. Muhamad Safarin Yahaya	CPP/W6/KPKT (M)	088-210153
5. En. Effendy Bin Mohd Yamin	CPP/W6/KPKT	088-210153
6. En. Lim Hock Shiong	Majlis Daerah Beaufort (MDB)	
7. Ar. Noor Izwan Bin Rahim	Noor Izwan Architect (NIA)	012-3218905
8. En. Wasaly Angkol	Noor Izwan Architect (NIA)	016-8366960
9. En. Terrance Tang	Aktif FA Konsult Sdn Bhd (AFK)	016-9961090
10. En. Oh Kok Thu	Aktif FA Konsult Sdn Bhd (AFK) - ARE	012-8663113
11. Ir. Sherman Bin Daim	Jurutera Perunding Intelek Sdn Bhd (JPI)	019-8602398
12. En. Sharman Sharif	PQS Setia Konsult (PQS)	010-9513639
13. En. Shir Zaman Bin Fazul Rahman	REMT Utama Sdn Bhd (REMT)	017-8636668
14. Pn. Sulastri Binti Pongot	REMT Utama Sdn Bhd (REMT)	016-8353423
15. En. Ronny Bin Lesa	REMT Utama Sdn Bhd (REMT)	011-36467021
16. En. Shairy Masli	REMT Utama Sdn Bhd (REMT)	011-25773762
17. Pn. Malina Yussof	REMT Utama Sdn Bhd (REMT)	019-5413970

<table>
<tr><th>BIL</th><th>PERKARA</th><th>TINDAKAN</th><th>TARIKH</th><th>CATITAN</th></tr>
<tr><td>1.0</td><td>UCAPAN PENGERUSI</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>1.1</td><td>Tuan Pengerusi En Mohd Arzaleigh Bin Abd Rahman mengalu-alukan kehadiran semua pihak.</td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>2.0</td><td>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>2.1</td><td>En. Mohd Riza Bin Ali dari KPKT mencadangkan Minit Mesyuarat Tapak No.1 bertarikh 11 Disember 2019 disahkan dan pengesahan tersebut telah disokong oleh En. Sharman Sharif dari PQS Setia Consult tanpa sebarang pindaan.</td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.0</td><td>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1</td><td>LAPORAN KEMAJUAN KERJA</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.1</td><td>Berdasarkan Laporan Kemajuan Bulanan No.2 yang diedarkan dalam mesyuarat, REMT membentangkan kemajuan kerja di tapak bina sehingga 3 Februari 2020 seperti berikut:
<table>
<tr><th>Kerja Fizikal (Jadual)</th><th>Kerja Fizikal (Sebenar)</th><th>Maju / Lewat</th></tr>
<tr><td>9.00%</td><td>8.00</td><td>-1.00%
(-5.5 Hari)</td></tr>
</table></td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.2</td><td>REMT memaklumkan kerja-kerja yang sedang dijalankan adalah melibatkan penyediaan tapak iaitu:
i) Akses sementara berserta washbay yang telah dimulakan pada 15 Januari 2020.
ii) Penambakan tanah (cut and fill) yang bermula pada 24 Januari 2020.</td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.3</td><td>REMT perlu menyemak semula dan menambahbaik program Kerja Fizikal yang dibentangkan untuk memperbetulkan graf S-Curve.</td><td>REMT</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.4</td><td>Tuan Pengerusi memaklumkan Pejabat Tapak yang telah disiapkan mengikut piawaian Unit Senibina KPKT ini diterima namun perlu ditambah baik pada kekukuhan struktur lantai.</td><td>REMT</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.5</td><td>REMT melaporkan Kemajuan Kewangan Projek adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>Status Kewangan Dijadualkan</th><th>Status Kewangan Sebenar</th><th>Maju / Lewat</th></tr>
<tr><td>0%
RM0</td><td>0%
RM0</td><td>0%
RM0</td></tr>
</table></td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.6</td><td>Tuan Pengerusi meminta agar REMT meminda S-Curve kewangan secara bulanan dan dibentangkan dalam setiap mesyuarat.</td><td>REMT</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.7</td><td>Berdasarkan laporan kemajuan bulanan yang diedarkan, Tuan Pengerusi meminta agar beberapa pindaan dibuat seperti berikut:
i) Jadual Pekerja dan Jentera perlu ditambah maklumat jumlah tertinggi, terendah dan purata.
ii) Jadual Laporan Cuaca perlu ditambah dengan penanda hujan lebat dan sebagainya.
iii) Tulisan (font) perlu lebih besar agar mudah dilihat dan dibaca.</td><td>REMT</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.2</td><td>PROGRAM KERJA</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.2.1</td><td>NIA memaklumkan bahawa REMT perlu menambah item built in furniture dalam program kerja di bawah task kerja Arkitektur.</td><td>REMT</td><td></td><td></td></tr>
</table>

3.2.2	Pengerusi memaklumkan bahawa REMT perlu menggunapakai *Microsoft Project* versi terkini dalam penyediaan Program Kerja.	Makluman		
3.2.3	Pengerusi menegaskan bahawa Program Kerja Utama (*Master Work Programme*) perlu diperincikan mengikut skop kontrak REMT dan Perunding perlu membuat semakan dan penelitian.	Makluman		
3.2.4	REMT melaporkan akan membuat pindaan ke atas Program Kerja dan kemukakan kepada Perunding pada 18 Februari 2020 sebelum dimajukan kepada KPKT.	REMT	20/12/2019	
3.2.5	JPI memaklumkan bahawa pembinaan bangunan pencawang elektrik SESB yang sebelum ini diminta untuk dikeluarkan daripada Program Kerja, dikekalkan memandangkan perincian kos terkandung didalam BQ.	Makluman		
3.2.6	Tuan Pengerusi memaklumkan agar bangunan pencawang elektrik SESB diprogramkan untuk siap 6 bulan sebelum tarikh siap kerja asal bagi memastikan kecukupan masa untuk pemeriksaan, pengujian dan kelulusan.	REMT		
3.2.7	REMT perlu memastikan item *Provisional Sum* (Lanskap dan lain-lain) dan *Work Outside Boundary* disenaraikan dalam program kerja.	REMT		
3.2.8	Bagi kerja-kerja servis talian telefon (Telekom), JPI perlu memastikan pihak JBPM memiliki nombor telefon sebelum penyerahan projek pada penghujung tempoh kontrak.	Makluman/ JPI		
3.2.9	Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa kerja-kerja Mekanikal dan Elektrikal perlu dijadual untuk bermula lebih awal sebaik perlaksanaan kerja *ground beam*.	REMT		
3.3	**AUDIT KESIHATAN, KESELAMATAN, KEBERSIHAN DAN SEKURITI**			
3.3.1	REMT memaklumkan terdapat 2 calon Penyelia Keselamatan Tapak (*Site Safety Supervisor*) yang akan ditemuduga dan perlantikan dijangka pada minggu ke dua Februari 2020.	REMT		
3.3.2	REMT mengambil maklum bahawa pembentangan laporan keselamatan perlu dibuat pada setiap mesyuarat.	Makluman		
4.0	**STATUS KERJA PERUNDING**			
4.1	**ARKITEK**			
4.1.1	NIA memaklumkan bahawa cadangan akses baru ke Kuarters sediada melibatkan penyelesaian isu trafik dan kos tambahan telah diluluskan oleh pihak KPKT dan JBPM sebagai perubahan kerja.	Makluman		
4.1.2	NIA memaklumkan bahawa pindaan DP dan BP berhubung isu akses akan dikemukakan kepada JKR Beaufort (dijangka hujung Februari 2020) sebaik kelulusan bertulis daripada UKAS KPKT diterima.	NIA		
4.1.3	Tuan Pengerusi mengingatkan bahawa *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) perlu dikeluarkan oleh NIA sebelum *Occupation Certificate* (OC) oleh PBT.	Makluman		
4.1.4	Tuan Pengerusi meminta REMT untuk mengemukakan kelulusan bahan bagi *Roller Shutter* berdasarkan lukisan perincian NIA.	REMT		
4.1.5	NIA perlu kemukakan senarai bahan berdasarkan skop Arkitektur untuk penyediaan awal pihak REMT mendapatkan kelulusan.	NIA		
4.1.6	Pihak KPKT W6 memaklumkan bahawa cadangan calon COW Arkitek tidak dipersetujui dan calon baru (*Architecture background*) perlu dikemukakan semula.	NIA		

4.2	**KEJURUTERAAN AWAM & STRUKTUR**			
4.2.1	AFK memperkenalkan En Oh Kok Thu yang telah dilantik sebagai *Assistant Resident Engineer* (ARE) bagi projek ini.	Makluman		
4.2.2	AFK mengesahkan kerja *Piling* hanya terdapat pada pembinaan Menara Latihan dan Akses Utama sementara Blok Utama hanya menggunakan *Pad Footing.* AFK perlu beri cadangan kepada pihak KPKT W6 atas keperluan pengukuhan struktur Blok Utama sekiranya perlu.	AFK		
4.2.3	AFK perlu kemukakan senarai bahan berdasarkan skop C&S untuk penyediaan awal pihak REMT mendapatkan kelulusan.	AFK		
4.2.4	AFK perlu menyerahkan lukisan perincian bagi akses baru ke Kuarters sediada kepada REMT bagi penyediaan kos untuk semakan PQS.	AFK		
4.3	**KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL**			
4.3.1	JPI meminta REMT membuat *pagging* di kedua-dua jalan/akses untuk mengenalpasti jumlah tiang elektrik yang perlu dipindahkan atau struktur tiang yang perlu ditinggikan dan JPI akan membuat pemeriksaan bersama SESB Beaufort pada 5 Februari 2020.	REMT/JPI		
4.3.2	MDB memaklumkan bahawa REMT perlu memastikan tiang elektrik sediada yang diganti perlu dihantar ke stor MDB. Penyelesaian ke atas bekalan elektrik melalui bawah tanah perlu dibincang Bersama JPI.	REMT/JPI		
4.3.3	JPI perlu menyediakan sesalinan Lukisan Pembinaan Mekanikal dan Elektrikal bersaiz A3 untuk diserahkan kepada pihak KPKT W6 Unit M&E.	JPI		
4.3.4	Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa kelulusan no plat bagi *trailer genset* daripada JPJ perlu disemak.	REMT/JPI		
4.3.5	JPI perlu pertimbangkan untuk mendapatkan kelulusan bersyarat melalui permohonan bekalan elektrik (Borang PD9) yang telah dikemukakan kepada SESB Beaufort pada 14 November 2019 memandangkan Kelulusan DP masih belum diperolehi.	JPI		
4.3.6	JPI menegaskan bahawa REMT perlu kemukakan dari awal untuk mendapatkan kelulusan bahan di bawah skop M&E.	REMT		
4.4	**UKUR BAHAN**			
4.4.1	PQS meminta Pihak REMT menambahbaik perincian BQ yang diterima pada 21 Januari 2020 kerana terdapat kekurangan item seperti *built in furniture, polycarbonate roof* dan *decorative fencing.*	REMT		
4.4.2	Perunding PQS meminta pihak REMT memberi peratusan yang munasabah pada Kadar Harga di dalam Dokumen Tender.	REMT		
4.4.3	REMT diminta untuk menyediakan kos ke atas perubahan kerja (V.O) melibatkan kerja-kerja *concrete bench* dan *new compartment* serta akses baru ke Kuarters sediada untuk semakan lanjut PQS.	REMT/PQS		
4.4.4	PQS meminta pihak perunding NIA, AFK dan JPI untuk menyediakan 15 set Lukisan Kontrak (lukisan sama yang disediakan semasa tender) bagi tujuan penjilidan Dokumen Kontrak.	NIA / AFK / JPI		
4.4.5	Tuan Pengerusi meminta PQS untuk membuat semakan ke atas JKR Spec 2014 untuk memastikan keterangan bagi item *"Telephone for S.O"* dan *"miscellaneous item for S.O".*	PQS		
4.4.6	PQS memaklumkan Bayaran Kemajuan No. 1 telah dikemukakan kepada KPKT pada 31 Januari 2020 dan kini diproses oleh JBPM.	Makluman		

5.0	**HAL-HAL LAIN**			
5.1	Tuan Pengerusi mengingatkan agar REMT memastikan Lukisan *As-Built* disiapkan mengikut peringkat penyiapan setiap kerja.	Makluman		
5.2	Tuan Pengerusi menegaskan bahawa Perunding perlu menyediakan dan membentangkan laporan kawalan kualiti pada setiap mesyuarat berhubung isu-isu seperti senarai bahan, status RFI, NCR dan lain-lain mengikut keperluan.	Makluman		
5.3	NIA meminta pertimbangan KPKT W6 untuk mengeluarkan jadual Mesyuarat Tapak agar dapat diselaraskan dengan Mesyuarat Teknikal pada hari yang sama untuk setiap bulan.	Makluman		
5.4	Tuan Pengerusi mencadangkan agar Laporan Kemajuan Bulanan dibuat secara pembentangan *softcopy* dan penyediaan *hardcopy* hanya setelah pembetulan (jika ada) dan kelulusan diperolehi dalam mesyuarat.	Makluman		
6.0	**PENUTUP**			
6.1	Tuan Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih dan memohon kerjasama daripada semua pihak supaya mengambil tindakan selanjutnya bagi perkara-perkara yang telah dibincangkan. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.15 petang dan mesyuarat berikutnya akan dimaklumkan kemudian.	Makluman		

MINIT MESYUARAT DICATAT DAN DIREKOD OLEH : **TARIKH :** 21 Februari 2020

.....

Ar. Noor Izwan Bin Rahim
Prinsipal
Noor Izwan Architect

MINIT MESYUARAT DISEMAK OLEH: **TARIKH:**

.....

Jeremy Jeffery Gunis
Penolong Pengarah,
Pejabat Wilayah 6, Cawangan Pelaksanaan Projek,
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek,
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

MINIT MESYUARAT DISAHKAN OLEH : **TARIKH :**

.....

Mohd Arzaleigh Bin Abd Rahman
Ketua Penolong Pengarah Kanan,
Pejabat Wilayah 6, Cawangan Pelaksanaan Projek,
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek,
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan